

**NORMAH BT. HJ. MOHD. ALI**  
Pembantu Peribadi  
Penasihat Undang-Undang


**ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) 1999**

*ENAKMEN LANCANG AIR ( PERIBADI )*

*( PULAU PINANG ) 1999*

*PERSONAL WATERCRAFTS ( PENANG )*

*ENACTMENT 1999*



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA  
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 43  
Bil. 5

4 Mac 1999

TAMBAHAN No. 1  
ENAKMEN

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, pada hari yang ketiga dan kelapan dalam bulan Disember 1998 dan telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada hari kelapan dalam bulan Februari 1999, adalah disiarkan mengikut kuasanya syarat-syarat Artikel 26 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang:

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly of the State of Penang on the third and eighth day of December 1998 and assented to by His Excellency the Yang di-Pertua Negeri on the eighth day of February 1999, are published in accordance with the provisions of Article 26 of the Constitution of the State of Penang:

Enakmen Bil.	Nama	Muka
Bil. 1 Tahun 1999	Enakmen Perbekalan 1999	1
	Supply Enactment 1999	5
Bil. 2 Tahun 1999	Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999	11
	Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999	25

ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) 1999

9

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II  
PENTADBIRAN

3. Perlantikan Pegawai Pelesen.
4. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan arahan.

BAHAGIAN III  
PERMIT

5. Pengendalian lancang air peribadi tanpa permit dilarang.
6. Permohonan untuk mendapatkan permit.
7. Pengeluaran permit.
8. Fi permit.
9. Tempoh permit, dsb.
10. Penyimpanan daftar.
11. Pembatalan permit.
12. Pemeriksaan.

BAHAGIAN IV  
PENGENDALIAN LANCANG AIR PERIBADI

13. Alat pelampung peribadi.
14. Kelayakan untuk mengendali lancang air peribadi.
15. Pengendalian semasa dipengaruhi minuman keras atau dadah.
16. Kawasan ditetapkan.
17. Pengendalian secara sewenang-wenang, cuai atau berbahaya.
18. Waktu pengendalian.
19. Penggunaan lanyard.
20. Pengubahsuaian dilarang.

10 NEGERI PULAU PINANG BIL. 2 TAHUN 1999

Fasal

21. Had kelajuan.
22. Tunda dilarang.
23. Garispanduan keselamatan.

BAHAGIAN V

KUASA UNTUK MENANGKAP, MEMERIKSA, MENYITA DSB.

24. Kuasa tangkap.
25. Kuasa menahan, memeriksa dan menyita.
26. Waran memeriksa dan menyita.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

27. Pelanggaran terhadap Enakmen, dsb.
28. Liabiliti pengarah, dsb.
29. Pengkompaunan kesalahan.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

30. Pengecualian.
31. Kuasa membuat peraturan.

NEGERI PULAU PINANG

ENAKMEN BIL. 2 TAHUN 1999

DIPERKENANKAN,

(TUN DATO' SERI (DR.) HAJI HAMDAN BIN SHEIKH TAHIR),  
*Yang di-Pertua Negeri*

21 Syawal 1419.

8 Februari 1999.

Suatu Enakmen berhubungan dengan pengendalian lancang air peribadi bagi tujuan sukan atau rekreasi dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[ ]

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERUNDANGKAN oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.  
Tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—  
Tafsiran.  
“alat pelampung peribadi” termasuklah jaket keselamatan, papan lutut, pelayap akua, tiub dalam dan mana-mana peralatan keselamatan yang sama;

“lancang air peribadi” ertinya sebuah vesel kecil yang—

12 NEGERI PULAU PINANG BIL. 2 TAHUN 1999

- (a) mempunyai motor sangkut atau motor di dalamnya;
- (b) menggunakan sama ada enjin pembakaran dalam yang menguasai pam jet atau kipas;
- (c) direkabentuk untuk membawa seorang atau lebih daripada seorang;
- (d) dikendalikan oleh seseorang secara duduk, berdiri atau berlutut di atas vesel itu; dan
- (e) digunakan bagi tujuan sukan atau rekreasi,

dan termasuklah ski jet, skuter air, basikal akua, propkraf dan hoverkraf;

“Majlis Perbandaran” ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“mengendali” ertinya penggunaan lancang air peribadi dan termasuklah penyewaan atau pemajakan lancang air peribadi, sama ada untuk keuntungan kewangan atau tidak; dan “pengendali” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Pegawai Pelesen” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau mana-mana pegawai Majlis Perbandaran yang dilantik di bawah seksyen 3;

“perairan pantai Negeri” ertinya perairan wilayah Negeri ini seperti yang disebutkan dalam Kanun Tanah Negara dan ditakrifkan di bawah subseksyen 4(2) Ordinan No. 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1969.

Akta 56.  
P.U.(A)  
307A.

BAHAGIAN II  
PENTADBIRAN

Perlantikan  
Pegawai  
Pelesen.

3. Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, mana-mana pegawai Majlis Perbandaran untuk menjalankan kuasa dan tanggungjawab Pegawai Pelesen di bawah Enakmen ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang akan ditetapkan dalam pemberitahuan.

l  
c  
r  
c  
F  
d  
6  
P  
Y  
II

ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) 1999

13

4. Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi Pegawai Pelesen arahan-arahan yang bersifat am dan tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini tentang perjalanan kuasa dan budibicara yang diberikan kepada Pegawai Pelesen itu melalui Enakmen atau mana-mana peraturan dan Pegawai Pelesen itu hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan arahan.

BAHAGIAN III  
PERMIT

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seseorang pun boleh—

Pengendalian lancang air peribadi tanpa permit dilarang.

(a) jika dia pemilik lancang air peribadi, mengguna lancang air peribadi itu di atas perairan pendalaman atau perairan pantai;

(b) memajakkan atau menyewa lancang air peribadi sama ada untuk keuntungan kewangan atau tidak,

melainkan jika dia telah memperolehi permit daripada Pegawai Pelesen.

(2) Tiada permit diperlukan untuk penggunaan sesuatu lancang air peribadi sekiranya suatu permit telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

6. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu permit hendaklah dibuat kepada Pegawai Pelesen dalam bentuk yang ditetapkan.

Permohonan untuk mendapatkan permit.

(2) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa sebelum mengeluarkan permit, menghendakkan lancang air peribadi



itu dibawa ke suatu tempat yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen untuk diperiksa bagi memastikan lancang air peribadi itu selamat untuk digunakan.

Pengeluaran  
permit.

7. (1) Pegawai Pelesen boleh, mengikut budibicaranya mengeluarkan atau enggan mengeluarkan permit yang dipohonkan di bawah seksyen 6.

(2) Pegawai Pelesen tidak boleh mengeluarkan lesen jika dia berpendapat bahawa—

(a) lancang air peribadi itu tidak selamat untuk digunakan;

(b) hal keadaan adalah sebegitu yang dengannya penggunaan lancang air peribadi itu boleh mendatangkan bahaya kepada orang awam atau pengendaliannya mungkin menyebabkan pecah keamanan atau halangan, gangguan atau kecederaan kepada residen di kawasan itu atau berkemungkinan mendatangkan bahaya kepada manusia atau menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang; atau

(c) lancang air peribadi itu tidak dilindungi oleh insurans liabiliti awam yang sah sepanjang tempoh permit itu berkuat kuasa. //

(3) Pegawai Pelesen boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang dia fikir perlu semasa mengeluarkan sesuatu permit dan permit itu boleh dibatalkan oleh Pegawai Pelesen tanpa memberi apa-apa sebab.

Fi permit.

8. (1) Walau apa pun seksyen 7, sesuatu permit hanya boleh dikeluarkan selepas pemohon membayar fi yang ditetapkan.

(2) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua fi yang dikutip di bawah subseksyen (1) ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Tempoh  
permit,  
dsb.

9. Sesuatu permit yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi satu tahun kalendar dan tidaklah boleh dipindahmilik atau diserahkan.

ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) 1999

15

10. Pegawai Pelesen hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan satu daftar bagi semua permit yang dikeluarkan olehnya dalam bentuk yang ditetapkan.

Penyimpanan  
daftar.

11. (1) Pegawai Pelesen boleh, pada bila-bila masa melalui notis bertulis membatalkan sesuatu permit—

Pembatalan  
permit.

(a) jika berlakunya pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan permit atau mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

(b) jika Pegawai Pelesen berpuas hati bahawa lancang air peribadi itu telah dimusnahkan, tidak boleh dibaiki atau telah dialihkan secara kekal daripada air pendalaman atau perairan pantai; atau

(c) menurut mana-mana peruntukan lain Enakmen ini.

(2) Apabila permit dibatalkan pemilik atau pengendali lancang air peribadi itu hendaklah dengan segera mengalihkan lancang air peribadi itu daripada air pendalaman atau perairan pantai Negeri.

12. Pegawai Pelesen hendaklah menjalankan pemeriksaan berkala ke atas setiap lancang air peribadi yang telah dikeluarkan permit di bawah Enakmen ini bagi memastikan bahawa lancang air peribadi itu berada dalam keadaan baik dari segi mekanik dan selamat untuk digunakan.

Pemeriksaan.

BAHAGIAN IV  
PENGENDALIAN LANCANG AIR PERIBADI

13. Pemilik atau pengendali setiap lancang air peribadi hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap lancang air peribadi dilengkapi dengan alat pelampung peribadi yang diluluskan.

Alat  
pelampung  
peribadi.

14. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi di atas perairan pendalaman atau persisiran pantai Negeri ini melainkan jika setiap orang yang berada di atas lancang air peribadi itu—

Kelayakan  
untuk  
mengendali  
lancang air  
peribadi.

- (i) memakai alat pelampung peribadi yang telah diluluskan; dan
- (ii) berusia 16 tahun atau lebih dan dalam hal di mana orang itu berusia kurang daripada 16 tahun, dia hendaklah diiringi oleh seorang dewasa.

Pengendalian semasa dipengaruhi minuman keras atau dadah.

15. Tiada seseorang pun boleh mengendali lancang air peribadi semasa dipengaruhi minuman keras, dadah atau gabungan kedua-duanya.

Kawasan ditetapkan.

16. Tiada seseorang pun boleh mengendali, memiliki atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi melainkan dan hanya di kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pengendalian lancang air peribadi.

Pengendalian secara sewenang-wenang, cuai atau berbahaya.

17. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi secara sewenang-wenang, cuai atau berbahaya sehingga membahayakan nyawa atau harta mana-mana orang, termasuklah nyawa atau harta pengendali itu.

Waktu pengendalian.

18. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi sebelum atau selepas waktu yang ditetapkan.

Penggunaan lanyard.

19. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi melainkan—

- (a) lancang air peribadi itu dilengkapi dengan lanyard yang disambung ke suis mula/berhenti lancang air peribadi itu;
- (b) lanyard itu berfungsi; dan
- (c) lanyard itu dipasang kepada badan pengendali itu atau kepada baju atau alat pelampung peribadi yang dipakai oleh pengendali itu.

ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) 1999

17

20. Tiada seseorang pun boleh mengendali, memiliki atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi yang telah diubahsuai dengan mana-mana cara pun yang boleh—

Pengubah-  
suai  
dilarang.

- (a) menghalang lanyard yang disebut dalam seksyen 19 berfungsi mengikut cara yang dihasratkan; atau
- (b) menguatkan bunyi dari sistem ekzos lancang air peribadi itu.

21. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi—

Had  
kelajuan.

- (a) melebihi had kelajuan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) secara dekat dengan sebuah lancang air peribadi atau vesel yang lain sehingga menyebabkan mana-mana pengendalinya mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya mengelakkan sesuatu pelanggaran.

22. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi untuk menunda seorang yang lain melainkan lancang air peribadi itu dilengkapi dengan cermin yang bercondong luas yang membolehkan pengendali lancang air peribadi itu memerhatikan orang yang ditunda itu.

Tunda  
dilarang.

23. Tiada seseorang pun boleh mengendali atau membenarkan atau memberi kuasa untuk mengendali lancang air peribadi melainkan dan menurut garis panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk penggunaan lancang air peribadi secara teratur.

Garis-  
panduan  
keselamatan.

BAHAGIAN V

KUASA UNTUK MENANGKAP, MEMERIKSA, MENYITA DSB.

24. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai polis, boleh

Kuasa  
tangkap.

menangkap tanpa waran sesiapa jua yang melakukan atau disyaki secara munasabah telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Enakmen ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam.

Kuasa menahan, memeriksa dan menyita.

25. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai polis boleh menahan, memeriksa dan menyita mana-mana lancang air peribadi yang telah digunakan secara menyalahi mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Waran memeriksa dan menyita.

26. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang yang dinamakan dalamnya, masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana menggeledah dan menyita mana-mana lancang air peribadi yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai perlakuan kesalahan itu.

(2) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan mana-mana lancang air peribadi yang disita di bawah seksyen ini, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak lancang air peribadi itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(3) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau memindahkan mana-mana lancang air peribadi yang dilak atau mencuba untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI  
KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

27. (1) Adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memiliki lancang air peribadi atau yang menjaga atau mengawal sesebuah lancang air peribadi untuk membenarkan atau memberi kuasa supaya lancang air peribadi itu dikendalikan secara berlawanan dengan mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Pelanggaran  
terhadap  
Enakmen,  
dsb.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini selain daripada seksyen 5 atau yang mengendalikan lancang air peribadi tanpa mengikut syarat atau sekatan permit yang dikeluarkan kepadanya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan dalam kes di mana kesalahan itu berterusan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

28. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau selainnya bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa—

Liabiliti  
pengarah,  
dsb.

- (a) kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa pembiarannya; dan
- (b) dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah juga disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan atau ketinggalan itu telah dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmatnya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa—

(a) kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya; dan

(b) dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh melepaskan pekongsi, ejen atau pengkhidmat yang disebut dalam subseksyen itu daripada menjadi boleh didakwa.

Peng-  
kompaunan  
kesalahan:

29. (1) Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Enakimen ini atau mana-mana peraturan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan menyetujui terima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Apabila jumlah wang yang tersebut dalam subseksyen (1) disetujui terima berkenaan dengan sesuatu kesalahan daripada orang yang disebut dalam subseksyen itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen yang mengkompaunkan kesalahan itu.

j  
c30  
mpe  
bo  
me31.  
per  
ole  
per(  
per

(3) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua jumlah wang yang disetujuterima di bawah subseksyen (1) ke dalam—

- (a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau
- (b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

BAHAGIAN VII  
PELBAGAI

30. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan mana-mana orang daripada apa-apa peruntukan Enakmen ini. Pengecualian.

(2) Tanpa prejudis kepada subseksyen (1), ketika memberi pengecualian di bawah Enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan perlu dengan mengambil kira keselamatan awam.

31. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Enakmen ini supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik. Kuasa membuat peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud—

- (a) menetapkan garis panduan keselamatan untuk penggunaan lancang air peribadi secara teratur;
- (b) menetapkan fungsi-fungsi pegawai yang diberi kuasa;
- (c) menetapkan apa-apa fi yang perlu bagi maksud-maksud Enakmen ini;



- (d) menetapkan borang-borang bagi permohonan untuk mendapatkan permit, bentuk permit yang akan dikeluarkan dan daftar-daftar untuk disimpan di bawah Enakmen ini;
- (e) menetapkan kawasan dan had kelajuan dan perkara-perkara lain yang perlu bagi kawalselia dan kawalan pengendalian lancang air peribadi yang teratur dan berkesan;
- (f) menetapkan prosedur untuk pemeriksaan lancang air peribadi;
- (g) menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur-prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan-kesalahan itu.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan itu adalah suatu kesalahan dan bahawa mana-mana orang yang disabitkan itu boleh dikenakan denda atau dipenjarakan atau kedua-duanya, tetapi penalti itu tidaklah boleh melebihi—

(a) bagi denda, dua ribu ringgit; dan

(b) bagi tempoh pemenjaraan, enam bulan.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 8 Disember 1998.

KASIM BIN MD ISA,  
Setiausaha Dewan Undangan Negeri,  
Pulau Pinang

ARRANGEMENT OF CLAUSES

PART I  
PRELIMINARY

Clause

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II  
ADMINISTRATION

3. Appointment of Licensing Officer.
4. Power of State Authority to issue directions.

PART III  
PERMIT

5. Operation of personal watercraft without permit is prohibited.
6. Application for permit.
7. Issuance of permit.
8. Permit fee.
9. Duration of permit etc.
10. Keeping of register.
11. Revocation of permit.
12. Inspection.

PART IV  
OPERATION OF PERSONAL WATERCRAFT

13. Personal flotation device.
14. Qualifications for operation of personal watercraft.
15. Operating while under the influence of intoxicating liquor or drugs.
16. Designated areas.
17. Operating in a reckless, negligent or dangerous manner.
18. Operating hours.
19. Use of lanyard.
20. No alteration.

24

PENANG No. 2 OF 1999

Clause

21. Speed limits.
22. No towing.
23. Safety guidelines.

PART V

POWER OF ARREST, SEARCH, SEIZURE ETC.

24. Power of arrest.
25. Power to stop, search and seize.
26. Warrant to search and seize.

PART VI

OFFENCES AND PROSECUTION

27. Contravention of Enactment etc.
28. Liability of director, etc.
29. Compounding of offences.

PART VII

MISCELLANEOUS

30. Exemption.
31. Power to make regulations.

“Municipal Council” means the Municipal Council of Penang Island or the Municipal Council of Province Wellesley;

“operate” means the use of personal watercrafts and includes the letting, leasing or hiring of the personal watercrafts, whether or not for financial gain; and “operator” shall be construed accordingly;

“personal flotation device” includes life jackets, kneeboards, aqua planes, inner tubes and other similar safety equipment;

“personal watercraft” means a small vessel which—

- (a) has an outboard or inboard motor;
- (b) uses either an internal combustion engine powering a jet pump or a propeller;
- (c) is designed to carry one or more persons;
- (d) is operated by a person sitting, standing or kneeling on the vessel; and
- (e) is used for the purposes of sports or recreation,

and includes a jet ski, water scooter, aquabike, propcraft and hovercraft.

## PART II ADMINISTRATION

Appoint-  
ment of  
Licensing  
Officer.

3. The State Authority may appoint, by notification published in the *Gazette*, any officer of the Municipal Council to exercise the powers and perform the duties of a Licensing Officer under this Enactment subject to such conditions as may be specified in the notification.

Power of  
State  
Authority to  
issue  
directions.

4. The State Authority may from time to time give the Licensing Officer directions of a general character and not inconsistent with the provisions of this Enactment, as to the

7 change

exercise of the powers and discretion conferred upon the Licensing Officer by this Enactment or any regulations and the Licensing Officer shall give effect to all such directions.

PART III  
PERMIT

5. (1) Subject to subsection (2) no person shall—

(a) if he is the owner, use a personal watercraft upon the inland or coastal waters of the State;

(b) let, lease or hire a personal watercraft whether or not for financial gain,

Operation of personal watercraft without permit is prohibited.

unless he has obtained a permit from a Licensing Officer.

(2) No permit is required for the use of a personal watercraft if a permit has been issued under subsection (1).

(3) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

6. (1) An application for a permit shall be made to the Licensing Officer in the prescribed form.

Application for permit.

(2) The Licensing Officer may at any time before issuing the permit, require the personal watercraft to be brought to such convenient place as he may decide for his inspection to ensure that it is safe for use.

7. (1) The Licensing Officer may, in his discretion issue or refuse to issue a permit applied for under section 6.

Issuance of permit.

(2) The Licensing Officer shall not issue a permit if he is of the opinion that—

(a) the personal watercraft is not safe for use;

(b) the circumstances are such whereby the usage of the personal watercraft would pose a danger to the public or its operation is likely to lead to a breach of the peace, or to cause obstruction, annoyance or injury to the residents in the locality or is likely to endanger human life or to cause grievous hurt to any person; or

(c) the personal watercraft is not covered with a valid public liability insurance during the period the permit is in force.

(3) The Licensing Officer may impose such conditions or restrictions as he deems necessary when issuing a permit and the permit may be revoked by the Licensing Officer without assigning any reason therefor.

Permit fee. 8. (1) Notwithstanding section 7, a permit may only be issued after the payment by the applicant of the prescribed fees.

(2) The Licensing Officer shall pay all fees collected under subsection (1) into the State Consolidated Fund.

Duration of permit etc. 9. A permit issued under this Enactment shall be valid for a period not exceeding one calendar year and shall not be capable of being transferred or assigned.

Keeping of register. 10. The Licensing Officer shall keep or cause to be kept a register of all permits issued by him in the prescribed form.

Revocation of permit. 11. (1) The Licensing Officer may, at any time by notice in writing revoke a permit—

(a) if there has been a breach of any condition or restriction of the permit or a contravention of any provision of this Enactment or any regulations made hereunder;

(b) if the Licensing Officer is satisfied that the personal watercraft has been destroyed, is no longer serviceable or permanently removed from the inland or coastal waters of the State; or

(c) in accordance with any other provisions of this Enactment.

(2) Upon revocation of the permit, the owner or operator of the personal watercraft shall forthwith remove the same from the inland or coastal waters of the State.

12. The Licensing Officer shall carry out a periodic inspection of every personal watercraft issued with a permit under this Enactment to ensure that it is in sound mechanical condition and safe for use.

PART IV  
OPERATION OF PERSONAL WATERCRAFT

13. The owner or operator of every personal watercraft shall ensure that each personal watercraft is equipped with an approved personal flotation device.

14. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft upon the inland or coastal waters of the State unless each person aboard the personal watercraft—

- (i) is wearing an approved personal flotation device; and
- (ii) is 16 years of age or above, and in the case of a person under 16 years of age, he shall be accompanied by an adult.

15. No person shall operate a personal watercraft while under the influence of intoxicating liquor, drugs or a combination of both.

16. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft save and except in areas designated by the State Authority for the operation of personal watercrafts.

- Operating in a reckless, negligent or dangerous manner. 17. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft in a reckless, negligent or dangerous manner so as to endanger the life or property of any person, including that of the operator.
- Operating hours. 18. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft before or after the prescribed hours.
- Use of lanyard. 19. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft unless—
- (a) the personal watercraft is equipped with a lanyard connected to the start/stop switch of the personal watercraft;
  - (b) the lanyard is functional; and
  - (c) the lanyard is attached to the person of the operator or to the clothing or personal flotation device worn by the operator.
- No alteration. 20. No person shall operate or be in possession of or give permission or authorization to operate a personal watercraft which has been altered in any manner that would—
- (a) prohibit the lanyard mentioned in section 19 from functioning in its intended manner; or
  - (b) increase the noise from the exhaust system of the personal watercraft.
- Speed limits. 21. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft—
- (a) in excess of the speed limits prescribed by the State Authority;
  - (b) in such proximity to another personal watercraft or vessel so as to require either operator to take appropriate measures so as to avoid a collision.



22. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft so as to tow another person unless the personal watercraft is equipped with a wide-angled mirror which permits the operator to observe the person being towed.

No towing.

23. No person shall operate or give permission or authorization to operate a personal watercraft save and in accordance with the safety guidelines issued by the State Authority for the proper operation of personal watercrafts.

Safety guidelines.

PART V

POWER OF ARREST, SEARCH, SEIZURE ETC.

24. (1) Any officer authorised by the State Authority or any police officer may arrest without warrant any person who commits in his presence or whom he reasonably believes to have committed any offence under this Enactment.

Power of arrest.

(2) A person arrested under this Enactment shall be detained and shall be brought before a Magistrate's Court within twenty-four hours.

25. Any officer authorised by the State Authority or any police officer may stop, search and seize any personal watercraft which is being used in a manner contrary to any of the provisions of this Enactment.

Power to stop, search and seize.

26. (1) If it appears to a Magistrate, upon written information on oath after such enquiry as he considers necessary that there is reasonable cause to believe that an offence under this Enactment or any regulations made thereunder is being or has been committed on any premises, the Magistrate may issue a warrant authorising any police officer not below the rank of Inspector or any person named therein, to enter the premises at any reasonable time by day or by night, with or without assistance and if need be by force, and thereto search for and seize any personal watercraft reasonably believed to furnish evidence of the commission of such offence.

Warrant to search and seize.

(2) Where, by reason of its nature, size and amount it is not practicable to remove the personal watercraft seized under this section, the seizing officer or person shall, by any means, seal the personal watercraft in the premises in which it is found.

(3) A person who, without lawful authority, breaks, tampers with or damage the seal referred to in subsection (2) or removes any personal watercraft under seal or attempts to do so commits an offence.

#### PART VI OFFENCES AND PROSECUTION

Contra-  
vention of  
Enactment  
etc.

27. (1) It shall be an offence for any person who owns a personal watercraft or who has charge over or control of a personal watercraft to permit or authorise the personal watercraft to be operated in contravention of any of the provisions of this Enactment.

(2) Any person who contravenes any of the provisions of this Enactment other than section 5 or who operates a personal watercraft otherwise than in conformity with the conditions or restrictions of the permit issued to him, commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both fine and imprisonment and in the case of a continuing offence, a sum not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

Liability of  
director, etc.

28. (1) Where an offence under this Enactment or any regulations has been committed by a body of persons, whether corporate or unincorporate, any person who at the time of the commission of such offence was the director, manager or secretary, or was otherwise responsible for the management of, the body of persons, or was purporting to act in any such capacity, shall be deemed to be guilty of that offence unless he proves that—

(a) the offence was committed without his consent or connivance; and

(b) he exercised such diligence to prevent the commission of the offence as he ought to have exercised having regard to the nature of his function in that capacity and to all circumstances.

(2) Any person who would have been guilty of an offence if anything had been done or omitted by him personally shall be guilty of the offence and liable to the same penalty if such thing had been done or omitted by his partner, agent or servant in the course of partnership business or in the course of his employment, as the case may be, unless he proves that—

(a) the offence was committed without his knowledge or consent; and

(b) he took all reasonable precautions to prevent the doing of or omission to do such thing.

(3) Nothing in subsection (2) shall relieve a partner, an agent or a servant mentioned in that subsection from liability to prosecution.

29. (1) The Licensing Officer may compound any offence under this Enactment or any regulations which is prescribed to be a compoundable offence by accepting from the person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding fifty per centum of the maximum fine with which such offence is punishable.

Compound-  
ing of  
offences.

(2) Upon the acceptance of the sum of money mentioned in subsection (1) in respect of an offence from the person referred to in that subsection, no further proceedings shall be taken against such person in respect of that offence and any document or thing seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and conditions as may be imposed by the Licensing Officer compounding the offence.

(3) The Licensing Officer shall pay all sums of money accepted under subsection (1) into—

- (a) the State Consolidated Fund; or
- (b) if so directed by the State Authority, the fund of any local authority or any other fund.

PART VII  
MISCELLANEOUS

Exemption. 30. (1) The State Authority may exempt any person from any provision of this Enactment.

(2) Without prejudice to subsection (1), when granting an exemption under this Enactment, the State Authority may impose such conditions as it deems necessary having regards to public safety.

Power to make regulations. 31. (1) The State Authority may make regulations for the purpose of prescribing anything required by this Enactment to be prescribed and for the better carrying out of the provisions of this Enactment.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the State Authority may make regulations for the purpose of—

- (a) prescribing the safety guidelines for the proper operation of personal watercrafts;
- (b) prescribing the functions of the authorised officer;
- (c) prescribing such fees as may be necessary for the purposes of this Enactment;
- (d) prescribing the forms for the application for permits, the form of permits to be issued and registers to be kept under this Enactment;
- (e) prescribing the area and speed limits and such other matters necessary for the proper and effective regulation and control of the operation of personal watercrafts;

PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG)  
ENACTMENT 1999

35

(f) prescribing the procedure for inspection of personal watercrafts;

(g) prescribing the types of offences that may be compounded and the procedures for the compounding of such offences.

(3) Regulations made under this section may provide that any act or omission in contravention of any provision of such regulations shall be an offence and that any person convicted of such offence shall be liable to a fine or to imprisonment or to both, but such penalty shall not exceed—

(a) in the case of a fine, two thousand ringgit; and

(b) in the case of a term of imprisonment, six months.

Passed in the State Legislative Assembly on the 8th day of December 1998.

KASIM BIN MD ISA,  
*Clerk of the Legislative Assembly,  
Penang*


[PSUK/PP/007.1.5 Jld. 5.]

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD


Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sehalkanya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
PADA 4 MAC 1999  
(Harga RM3.60)



Permit



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 50  
No. 25

**14hb Disember 2006**

*TAMBAHAN No. 8  
PERUNDANGAN*

**Pg. P.U. 17.**

## ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI (PULAU PINANG) 1999

## PERATURAN-PERATURAN LANCANG AIR PERIBADI (PULAU PINANG) (PEMILIK) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(2) Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999, Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan berikut:

### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) (Pemilik) 2007** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999;

“Majlis Perbandaran” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Enakmen;

“kawasan yang ditetapkan” ertinya kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan

“pemilik” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Enakmen.

### **Permohonan permit**

3. Setiap permohonan untuk permit lancang air peribadi oleh pemilik bagi kegunaan peribadi hendaklah dikemukakan dalam Borang A seperti yang ditetapkan dalam Jadual dan hendaklah disertakan dengan—

- (i) satu nota lindung insuran tanggungan awam untuk amaun perlindungan sejumlah RM50,000.00 yang meliputi kecederaan kepada pihak ketiga yang sah;
- (ii) satu salinan fotostat kad pengenalan/pasport atau sijil pendaftaran syarikat/ perniagaan;
- (iii) satu keping gambar pemohon (berukuran pasport);
- (iv) satu salinan sijil latihan kehadiran kursus pertolongan cemas; dan
- (v) sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh Pegawai Pelesen.

### **Borang permohonan**

4. (1) Jika borang permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, Pegawai Pelesen boleh menolaknya.

(2) Jika pemohon adalah sebuah syarikat atau mana-mana badan lain, sama ada korporat atau sebaliknya, borang permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengarah, Pengurus, rakan kongsi atau pegawai lain syarikat atau badan yang diberi kuasa untuk tujuan itu.

### **Pengeluaran permit**

5. (1) Setiap permohonan untuk permit lancang air peribadi untuk kegunaan peribadi bolehlah dikemukakan pada bila-bila masa bagi setiap tahun.

(2) Bilamana permohonan permit diluluskan, satu permit dalam Borang B seperti yang ditetapkan dalam Jadual, boleh dikeluarkan selepas bayaran fi sebanyak seratus ringgit.

### **Pembaharuan permit**

6. (1) Setiap permohonan untuk pembaharuan permit lancang air peribadi untuk kegunaan peribadi hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 1 Januari setiap tahun.

(2) Bilamana permohonan diluluskan, satu permit dalam Borang B seperti yang ditetapkan dalam Jadual boleh dikeluarkan selepas bayaran fi sebanyak seratus ringgit.



**Tempoh permit**

7. Sesuatu permit akan tamat tempohnya pada 31 Disember dalam tahun ianya dikeluarkan.

**Permit berasingan**

8. Permit yang berasingan hendaklah dipohon untuk setiap lancang air peribadi.

**Permit Sementara**

9. (1) Jika pemilik lancang air peribadi yang tidak dikeluarkan permit di bawah Enakmen ini membawa lancang air peribadi ke perairan pantai Negeri Pulau Pinang dari mana-mana tempat luar, pemilik hendaklah memohon satu Permit Sementara yang dikeluarkan oleh Pegawai Pelesen.

(2) Bilamana permohonan diluluskan, satu permit dalam Borang B seperti yang ditetapkan dalam Jadual boleh dikeluarkan selepas bayaran fi sebanyak lima puluh ringgit.

(3) Setiap permohonan untuk permit sementara hendaklah disertakan dengan satu nota lindung insuran tanggungan awam untuk amaun perlindungan sejumlah RM50,000.00 yang meliputi kecederaan kepada pihak ketiga yang sah.

**Pembatalan permit**

10. (1) Sebelum keputusan dibuat untuk membatalkan sesuatu permit, Pegawai Pelesen hendaklah memberikan kepada pemegang permit suatu peluang untuk membuat representasi tentang kenapa permitnya tidak boleh dibatalkan.

(2) Apabila Pegawai Pelesen memutuskan untuk membatalkan sesuatu permit, maka notis pembatalan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang permit sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen.

**Keadaan sempurna lancang air peribadi**

11. Seseorang pemegang permit hendaklah, pada setiap masa, memastikan bahawa lancang air peribadi itu berada dalam keadaan sempurna dan selamat untuk digunakan.

**Penggunaan lancang air peribadi tidak menyebabkan kacau ganggu**

12. Seseorang pemegang permit hendaklah mengawasi supaya penggunaan lancang air peribadi tidak mewujudkan kacau ganggu.

**Peti pertolongan cemas**

13. Seseorang pemegang permit hendaklah menyediakan dan menyimpan dalam lancang air peribadi suatu peti pertolongan cemas yang secukupnya yang mengandungi pembalut dan alat pertolongan cemas yang hendaklah pada setiap masa diselenggara dalam keadaan baik.

**Struktur tidak boleh dibina**

14. Tiada seorang pemilik boleh mendirikan sesuatu struktur untuk menyimpan lancang air peribadi tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

**Masa penggunaan**

15. Seseorang pemegang permit hendaklah hanya menggunakan lancang air peribadi dari 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari.

**Zon penggunaan**

16. Pemilik boleh menggunakan lancang air peribadinya di mana-mana kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pengendalian lancang air peribadi.

**Nombor siri dan kod warna lancang air peribadi**

17. Setiap lancang air peribadi yang dikeluarkan permit hendaklah diletakkan padanya nombor siri yang diuntukkan baginya di bahagian kiri dan kanan lancang air peribadi secara mendatar dan boleh dilihat dengan mudahnya dengan kod warna sebagaimana yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen.

**Kesalahan**

18. Pemilik lancang air peribadi yang melanggar Peraturan-peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

JADUAL

PERATURAN-PERATURAN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) (PEMILIK) 2007

(Borang A)


PERMOHONAN BAGI PERMIT

(Peraturan 3)

Kepada,

Pegawai Pelesen,  
Majlis Perbandaran.....

.....  
.....



**BAHAGIAN I — BUTIRAN PEMOHON**

1. Nama Pemohon:.....
2. No. Kad Pengenalan/No. Pasport:.....
3. Warganegara:..... 4. Bangsa:.....
5. Alamat Pemohon:.....
6. No. Telefon:..... 7. No. Fax:.....
8. Nama Syarikat/Perniagaan:.....
9. No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan:.....(Persendirian/Perkongsian)

**BAHAGIAN II — BUTIRAN LANCANG AIR PERIBADI**

1. Jenis:..... 2. No. Enjin:.....
3. No. Casis:..... 4. Buatan:.....
5. Model:..... 6. Kuasa Enjin:.....
7. Bahan Bakar:..... 8. Warna:.....
9. Tahun Dibuat:..... 10. Muatan Tempat Duduk:.....
11. Alamat Lancang Air Peribadi Disimpan:  
.....  
.....

**BAHAGIAN III — PENGAKUAN PEMOHON**

Dengan ini, saya.....mengaku dan mengesahkan  
(Nama pemohon)

bahawa saya tidak pernah disabit dengan sebarang kesalahan di bawah Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999 oleh Mahkamah dan saya juga mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam Borang ini adalah benar.

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Bertarikh:.....

**BAHAGIAN IV — UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

- 1. Tarikh Permohonan Diterima :.....
- 2. Tarikh Diluluskan :.....
- 3. Tarikh Bayaran Permit Diterima :.....
- 4. Tarikh Permit Dikeluarkan :.....
- 5. No. Permit Lancang Air Peribadi:.....


JADUAL

PERATURAN-PERATURAN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) (PEMILIK) 2007

(Borang B)

PERMIT UNTUK MENGGUNA  
LANCANG AIR PERIBADI

(Peraturan 5)



Nama pemegang permit:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Tarikh dikeluarkan:.....

Tarikh luput:.....

Syarat-syarat (jika ada):.....

Fi telah dibayar:..... No. Resit:.....

Bertarikh pada 1 Disember 2006  
[PU/PP 3270 Vol. 1]

NG WEE KOK  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pulau Pinang

PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG)  
ENACTMENT 1999

PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG) (OWNER)  
RULES 2007

In exercise of the powers conferred by subsection 31(2) of the Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999, the State Authority makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. These rules may be cited as the **Personal Watercrafts (Penang) (Owner) Rules 2007** and shall come into force on 1 January 2007.

**Interpretation**

2. In these Rules unless the context otherwise requires—

“Enactment” means Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999;

“Municipal Council” shall have the same meaning assigned to it by the Enactment;

“designated area” means the area determined by the State Authority; and

“owner” shall have the same meaning assigned to it by the Enactment

**Application for permit**

3. Every application for a personal watercraft permit by the owner for his personal use shall be made in Form A as specified in the Schedule and shall be accompanied with—

- (i) a public liability insurance cover note for the sum of RM50,000.00 covering injuries of legitimate third parties;
- (ii) a photostat copy of the identity card/passport/or certificate registration of company/business;
- (iii) a photo of the applicant (passport size);
- (iv) a copy of the first aid training attendance certificate; and
- (v) any other information required by the Licensing Officer.

**Application form**

4. (1) If the application form which is submitted is incomplete, the Licensing Officer may reject it.

(2) If the applicant is a company or any other body, whether corporate or otherwise, the application form shall be signed by the Managing Director, Director, Manager, partner or other officers of the company or corporation authorized by the company or corporation for such purpose.

**Issuance of permit**

5. (1) Every application for personal watercraft permit for personal use may be submitted at anytime for each year.

(2) On approval of the permit application, a permit in Form B as prescribed in the Schedule may be issued after payment of fee in the sum of one hundred ringgit. *Rm 500/-*

**Renewal of permit**

6. (1) Every application for renewal of permit of personal watercraft for personal use shall be submitted on or before 1 January of each year.

(2) On approval of the renewal permit application, a permit in Form B as prescribed in the Schedule may be issued after payment of fee in the sum of one hundred ringgit.

**Duration of permit**

7. A permit shall expire on 31 December in the year it was issued.

**Separate permit**

8. A separate permit must be applied for each personal watercraft.

**Temporary Permit**

9. (1) If an owner of a personal watercraft which is not issued a permit under the Enactment brings the personal watercraft to the coastal waters of the State of Penang from any place outside Penang the owner shall obtain a Temporary Permit issued by the Licensing Officer.

(2) On approval of the application, a permit in Form B as prescribed in the Schedule may be issued after payment of fees in the sum of fifty ringgit.

(3) Every application for temporary permit shall be accompanied with a public liability insurance cover note for the sum of RM50,000.00 covering injuries of legitimate third parties.

**Revocation of permit**

10. (1) Before decision is made to revoke a permit, the Licensing Officer shall give to the permit holder an opportunity of making a representation as to why his permit should not be revoked.

(2) When the Licensing Officer decides to revoke a permit, then the notice of such revocation shall be sent to the permit holder as provided under the Enactment.

**Good condition of personal watercraft**

11. A permit holder shall, at all times, ensure that the personal watercraft is in good condition and safe for use.

**Use of personal watercraft not to cause nuisance**

12. A permit holder shall monitor that the usage of the personal watercraft does not create nuisance.

**First aid kit**

13. A permit holder shall provide and keep in the personal watercraft a complete first aid kit set containing bandages and first aid tools which shall at all times be maintained in good condition.

**Erection of structure prohibited**

14. No owner shall erect any structure for storage of the personal watercraft without obtaining the prior written permission from the Local Authority.

**Operation time**

15. A permit holder shall only use the personal watercraft from 7.00 a.m. until 7.00 p.m. daily.

**Applied zone**

16. An owner may use the personal watercraft in any designated area for operating of personal watercrafts.

**Serial number and code for personal watercraft**

17. Each personal watercraft which is issued with a permit shall affix on it the serial number assigned to it horizontally on the left and right side of the personal watercraft and which can be easily seen by the colour code as determined by the Licensing Officer.

**Offence**

18. The owner of personal watercraft who contravenes these Rules commits an offence and shall, upon conviction, be fined not exceeding two thousand ringgit or imprisoned for a term not exceeding six months or both.

SCHEDULE


PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG) (OWNER)  
RULES 2007

(Form A)

APPLICATION FOR PERMIT

(Rule 3)

To,  
  
Licensing Officer,  
Municipal Council of.....  
.....  
.....



**PART I — PARTICULARS OF APPLICANT**

- 1. Name of Applicant:.....
- 2. IC No./Passport No.:.....
- 3. Citizenship:..... 4. Race:.....
- 5. Address of Applicant:.....
- 6. Telephone No.:..... 7. Fax No.:.....
- 8. Name of Company/Business:.....
- 9. Company/Business Registration No.:.....(Private Limited/Partnership)

**PART II — PARTICULARS OF PERSONAL WATERCRAFT**

- 1. Type:..... 2. Engine No.:.....
- 3. Chassis No.:..... 4. Make:.....
- 5. Model:..... 6. Power of Engine:.....
- 7. Type of Fuel:..... 8. Colour:.....
- 9. Year of Make:..... 10. Seat Capacity:.....
- 11. Address Where Personal Watercraft Is Kept:.....  
.....

**PART III — APPLICANT’S AFFIRMATION**

I,.....hereby admit and confirm that,  
*(Name of applicant)*  
 I have never been convicted of any offence under the Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999 by any court and I also affirm and verify that all information given in this form is true.

.....  
*(Applicant’s signature)*

Dated:.....

**PART IV — FOR OFFICE USE**

- 1. Date of Receipt of Application :.....
- 2. Date of Approval :.....
- 3. Date of Receipt of Permit Fees :.....
- 4. Date of Issuance of Permit :.....
- 5. Personal Watercraft Permit No. :.....




SCHEDULE  
PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG) (OWNER)  
RULES 2007

(Form B)

PERMIT TO USE  
A PERSONAL WATERCRAFT

(Rule 5)



Name of permit holder:.....

NRIC No.:.....

Address:.....  
.....

Date of issuance:.....

Expiry date:.....

Conditions (if any):.....  
.....  
.....

Payment of fees:..... Receipt No.:.....

Dated 1 December 2006  
[PU/PP 3270 Vol. 1]

NG WEE KOK  
Clerks  
State Executive Council  
Penang

Pg. P.U. 18.

ENAKMEN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) 1999

PERATURAN-PERATURAN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) (PENGENDALI) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(2) Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999, Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) (Pengendali) 2007** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999;

“Majlis Perbandaran” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Enakmen;

“kawasan yang ditetapkan” ertinya kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan

“pengendali” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Enakmen.

**Permohonan permit**

3. Setiap permohonan untuk permit lancang air peribadi oleh pengendali hendaklah dikemukakan dalam Borang A seperti yang ditetapkan dalam Jadual dan hendaklah disertakan dengan—

- (i) satu nota lindung insurans tanggungan awam untuk amaun perlindungan sejumlah RM50,000.00 yang meliputi kecederaan kepada pihak ketiga yang sah;
- (ii) satu salinan fotostat kad pengenalan/pasport atau sijil pendaftaran syarikat/perniagaan;
- (iii) satu keping gambar pemohon (berukuran pasport);

- (iv) satu salinan sijil latihan kehadiran kursus pertolongan cemas; dan
- (v) sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh Pegawai Pelesen.

#### **Borang permohonan**

4. (1) Jika borang permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, Pegawai Pelesen boleh menolaknya.

(2) Jika pemohon adalah sebuah syarikat atau mana-mana badan lain, sama ada korporat atau sebaliknya, borang permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengarah, Pengurus, rakan kongsi atau pegawai lain syarikat atau badan yang diberi kuasa untuk tujuan itu.

#### **Pengeluaran permit**

5. (1) Setiap permohonan untuk satu permit mengendalikan lancang air peribadi bolehlah dikemukakan pada bila-bila masa bagi setiap tahun.

(2) Bilamana permohonan permit diluluskan, satu permit dalam Borang B seperti yang ditetapkan dalam Jadual boleh dikeluarkan selepas bayaran fi sebanyak seratus ringgit.

#### **Pembaharuan permit**

6. (1) Setiap permohonan untuk pembaharuan permit mengendalikan Lancang Air Peribadi hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 1 Januari setiap tahun.

(2) Bilamana permohonan diluluskan, satu permit dalam Borang B seperti yang ditetapkan dalam Jadual boleh dikeluarkan selepas bayaran fi sebanyak seratus ringgit.

#### **Tempoh permit**

7. Sesuatu permit hendaklah tamat tempohnya pada 31 Disember dalam tahun ianya dikeluarkan.

#### **Permit berasingan**

8. Permit yang berasingan hendaklah dipohon untuk setiap lancang air peribadi.

#### **Pembatalan permit**

9. (1) Sebelum keputusan dibuat untuk membatalkan sesuatu permit, Pegawai Pelesen hendaklah memberikan kepada pemegang permit suatu peluang untuk membuat representasi tentang kenapa permitnya tidak boleh dibatalkan.

(2) Apabila Pegawai Pelesen memutuskan untuk membatalkan sesuatu permit, notis pembatalan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang permit sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen.

**Keadaan sempurna lancang air peribadi**

10. Seseorang pemegang permit hendaklah, pada setiap masa, memastikan bahawa Lancang Air Peribadi itu berada dalam keadaan sempurna dan selamat untuk digunakan.

**Penggunaan lancang air peribadi tidak menyebabkan kacau ganggu**

11. Seseorang pemegang permit hendaklah mengawasi supaya penggunaan dan pengendalian Lancang Air Peribadi dalam kawasan yang ditetapkan tidak mewujudkan kacau ganggu.

**Peti pertolongan cemas**

12. Seseorang pemegang permit hendaklah menyediakan di tempat operasi lancang air peribadi itu suatu peti pertolongan cemas yang secukupnya yang mengandungi pembalut dan alat pertolongan cemas yang hendaklah pada setiap masa diselenggara dalam keadaan baik.

**Struktur tidak boleh dibina**

13. Tiada seorang pengendali pun boleh mendirikan sesuatu struktur di tempat pengendalian lancang air peribadi tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

**Masa pengendalian**

14. Seorang pemegang permit hendaklah hanya mengendalikan lancang air peribadi dari 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari.

**Zon pengendalian**

15. Seorang pemegang permit yang mengendali lancang air peribadi di luar kawasan yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan ini.

**Nombor siri dan kod warna lancang air peribadi**

16. Setiap lancang air peribadi yang dikeluarkan permit hendaklah diletakkan padanya nombor siri yang diuntukkan baginya di bahagian kiri dan kanan lancang air peribadi secara mendatar dan boleh dilihat dengan mudahnya dengan kod warna sebagaimana yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen.

**Kesalahan**

17. Pengendali lancang air peribadi yang melanggar Peraturan-peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## JADUAL

PERATURAN-PERATURAN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) (PENGENDALI) 2007

(Borang A)

PERMOHONAN BAGI PERMIT

(Peraturan 3)

Kepada,

Pegawai Pelesen,  
Majlis Perbandaran.....

.....

.....

GAMBAR

**BAHAGIAN I — BUTIRAN PEMOHON**

1. Nama Pemohon:.....
2. No. Kad Pengenalan/Pasport:.....
3. Warganegara:..... 4. Bangsa:.....
5. Alamat Pemohon:.....
6. No. Telefon:..... 7. No. Fax:.....
8. Nama Syarikat/Perniagaan:.....
9. No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan:.....(Persendirian/Perkongsian)

**BAHAGIAN II — BUTIRAN PEMILIK LANCANG AIR PERIBADI**

1. Nama Pemohon:.....
2. No. Kad Pengenalan/Pasport:.....
3. Warganegara:..... 4. Bangsa:.....
5. Alamat Pemohon:.....
6. No. Telefon:..... 7. No. Fax:.....
8. Nama Syarikat/Perniagaan:.....
9. No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan:.....(Persendirian/Perkongsian)

**BAHAGIAN III — BUTIRAN LANCANG AIR PERIBADI**

1. Jenis:.....
2. No. Enjin:.....
3. No. Casis:.....
4. Buatan:.....
5. Model:.....
6. Kuasa Enjin:.....
7. Bahan Bakar:.....
8. Warna:.....
9. Tahun Dibuat:.....
10. Muatan Tempat Duduk:.....
11. Alamat Lancang Air Peribadi Disimpan:

.....  
 .....

**BAHAGIAN IV — PENGAKUAN PEMOHON**

Dengan ini, saya.....mengaku dan mengesahkan  
*(Nama pemohon)*  
 bahawa saya tidak pernah disabit dengan sebarang kesalahan di bawah Enakmen Lancang Air Peribadi (Pulau Pinang) 1999 oleh Mahkamah dan saya juga mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam Borang ini adalah benar.

.....  
*(Tandatangan Pemohon)*

Bertarikh:.....

**BAHAGIAN V — UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**


1. Tarikh Permohonan Diterima :.....
2. Tarikh Diluluskan :.....
3. Tarikh Bayaran Permit Diterima :.....
4. Tarikh Permit Dikeluarkan :.....
5. No. Permit Lancang Air Peribadi:.....

JADUAL  
PERATURAN-PERATURAN LANCANG AIR PERIBADI  
(PULAU PINANG) (PENGENDALI) 2007

(Borang B)

PERMIT UNTUK MENGENDALI  
LANCANG AIR PERIBADI

(Peraturan 5)



Nama pemegang permit:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Tarikh dikeluarkan:.....

Tarikh luput:.....

Syarat-syarat (jika ada):.....

Fi telah dibayar:..... No. Resit:.....

Bertarikh pada 1 Disember 2006  
[PU/PP 3270 Vol. 1]

NG WEE KOK  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pulau Pinang

PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG)  
ENACTMENT 1999

PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG) (OPERATOR)  
RULES 2007

In exercise of the powers conferred by subsection 31 (2) of the Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999, the State Authority makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. These rules may be cited as the **Personal Watercrafts (Penang) (Operator) Rules 2007** and shall come into force on 1 January 2007.

**Interpretation**

2. In these Rules unless the context otherwise requires—

“Enactment” means Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999;

“Municipal Council” shall have the same meaning assigned to it by the Enactment;

“designated area” means the area determined by the State Authority; and

“operator” shall have the same meaning assigned to it by the Enactment.

**Application for permit**

3. Every application for a personal watercraft permit by an operator shall be submitted in Form A as specified in the Schedule and shall be accompanied with—

- (i) a public liability insurance cover note for the sum of RM50,000.00 covering injuries of legitimate third parties;
- (ii) a photostat copy of the identity card/passport or certificate of registration company/business;
- (iii) a photo of the applicant (passport size);
- (iv) a copy of the first aid training attendance certificate; and
- (v) any other information as required by the Licensing Officer.

**Application form**

4. (1) If the application form which is submitted is incomplete, the Licensing Officer may reject it.

(2) If the applicant is a company or any other body, whether corporate or otherwise, the application form shall be signed by the General Manager, Director, Manager, partner or other officer of the company or corporation authorized for such purpose.



**Issuance of permit**

5. (1) Every application for a permit to operate personal watercraft may be submitted at anytime for each year.

(2) On approval of the permit application, a permit in Form B as prescribed in the Schedule may be issued after payment of fee in the sum of one hundred ringgit.

**Renewal of permit**

6. (1) Every application for renewal of permit to operate a personal watercraft shall be submitted on or before 1 January of each year.

(2) On approval of the renewal permit application, a permit in Form B as prescribed in the Schedule may be issued after payment of fee in the sum of one hundred ringgit.

**Duration of permit**

7. A permit shall expire on 31 December in the year it was issued.

**Separate permit**

8. A separate permit must be applied for each personal watercraft.

**Revocation of permit**

9. (1) Before a decision is made to revoke a permit, the Licensing Officer shall give to the permit holder an opportunity of making a representation as to why his permit should not be revoked.

(2) When the Licensing Officer decides to revoke a permit, then the notice of such revocation shall be sent to the permit holder as provided under the Enactment.

**Good condition of personal watercraft**

10. A permit holder shall, at all times, ensure that the personal watercraft is in good condition and safe for use.

**Use of personal watercraft not cause nuisance**

11. A permit holder shall monitor that the usage and operation of personal watercraft in the designated area does not create nuisance.

**First aid kit**

12. A permit holder shall provide at the personal watercraft operation site a complete first aid kit set containing bandages and first aid tools which shall at all times be maintained in good condition.

**Erection of structure prohibited**

13. No operator shall erect any structure at the personal watercraft operation site without obtaining the prior written permission from the local authority.

**Operation time**

14. A permit holder shall only operate the personal watercraft from 7.00 a.m. till 7.00 p.m. daily.

**Operation zone**

15. A permit holder who operates the personal watercraft outside the designated area commits an offence under these Rules.

**Serial number and code for personal watercraft**

16. Each personal watercraft which is issued with a permit shall affix on it the serial number assigned to it horizontally on the left and right side of the personal watercraft and which can be easily seen by the colour code as determined by the Licensing Officer.

**Offence**

17. The operator of personal watercraft who contravenes these Rules commits an offence and shall, upon conviction, be fined not exceeding two thousand ringgit or imprisoned for a term not exceeding six months or both.

SCHEDULE

PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG) (OPERATOR)  
RULES 2007

(Form A)


APPLICATION FOR PERMIT

(Rule 3)

To,

Licensing Officer,  
Municipal Council of.....

.....  
.....



**PART I — PARTICULARS OF APPLICANT**

- 1. Name of Applicant:.....
- 2. IC No./Passport:.....
- 3. Citizenship:..... 4. Race:.....
- 5. Address of Applicant:.....
- 6. Telephone No.:..... 7. Fax No.:.....
- 8. Name of Company/Business:.....
- 9. Company/Business Registration No.:.....(Private Limited/Partnership)

**PART II — PARTICULARS OF OWNER OF PERSONAL WATERCRAFT**

1. Name of Applicant:.....
2. IC No./Passport:.....
3. Citizenship:..... 4. Race:.....
5. Address of Applicant:.....
6. Telephone No.:..... 7. Fax No.:.....
8. Name of Company/Business:.....
9. Company/Business Registration No.:.....(Private Limited/Partnership)

**PART III — PARTICULARS OF PERSONAL WATERCRAFT**

1. Type of Personal Watercraft:..... 2. Engine No.:.....
3. Chassis No.:..... 4. Make:.....
5. Model:..... 6. Power of Engine:.....
7. Type of Fuel:..... 8. Colour:.....
9. Year of Make:..... 10. Seat Capacity:.....
11. Address Where Personal Watercraft Is Kept:.....

**PART IV — APPLICANT'S AFFIRMATION**

I, ..... hereby admit and confirm that,  
*(Name of applicant)*

I have never been convicted of any offence under the Personal Watercrafts (Penang) Enactment 1999 by any court and I also affirm and verify that all information given in this form is true.

.....  
*(Applicant's signature)*

Dated:.....

**PART V — FOR OFFICE USE**


- 1. Date of Receipt Application :.....
- 2. Date of Approval :.....
- 3. Date of Receipt Permit Fees :.....
- 4. Date of Issuance of Permit :.....
- 5. Personal Watercraft Permit No. :.....

SCHEDULE  
 PERSONAL WATERCRAFTS (PENANG) (OPERATOR)  
 RULES 2007

(Form B)

PERMIT TO OPERATE  
 A PERSONAL WATERCRAFT

(Rule 5)



Name of permit holder:.....

ICNo.:.....

Address:.....

.....

Date of issuance:.....

Expiry date:.....

Conditions (if any):.....

.....

.....

Payment of fees:..... Receipt No.:.....

Dated 1 December 2006  
[PU/PP 3270 Vol. 1]

NG WEE KOK  
*Clerks*  
*State Executive Council*  
*Penang*


Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA



Conditions (if any):.....

.....

.....

Payment of fees:..... Receipt No.:.....

Dated 1 December 2006  
[PU/PP 3270 Vol. 1]

NG WEE KOK  
*Clerks*  
*State Executive Council*  
*Penang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

